

KRISIS MCA kerana rebu kuasa — Dr.

UM 16 SEP 1985

KUALA LUMPUR 15 Sept. — **Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad** buat pertama kalinya secara terbuka menegaskan bahawa krisis MCA yang berlarutan sehingga sekarang sebenarnya berpunca daripada “perebutan kuasa” antara dua tokoh dalam parti itu sendiri dan bukan berpunca dari soal ahli palsu.

Sambil menegaskan bahawa pertikaian mengenai “phantom members” itu hanya merupakan alasan sahaja, Perdana Menteri juga menyifatkan sebagai satu “muslihat politik yang membahayakan semua pihak” terhadap tuduhan - tuduhan kononnya UMNO yang menyebabkan krisis itu berlarutan.

“Krisis MCA bermula dan berlarutan kerana rebutan

jawatan dua tokoh MCA sendiri. Saya kurang faham kenapa ada tohmahan terhadap UMNO pula,” tegas Pengerusi Barisan Nasional itu dalam satu temuramah dengan lida rasmi UMNO, Merdeka, keluaran terbarunya hari ini.

Temuramah dengan Ketua Pengarang Merdeka, Encik Shafei Nor itu disiarkan dalam lima muka penuh di mana Datuk Sri Dr. Mahathir buat pertama kalinya telah berca-kap secara terus - terang mengenai sengketa MCA itu.

Datuk Sri Dr. Mahathir yang juga Presiden UMNO menegaskan bahawa keadaan sekarang berlaku kerana kedua - dua pihak dalam parti itu ingin cari pengaruh mengenai isu perkauman dengan menuduh UMNO kononnya berusaha menentukan siapa akan menjadi Presiden MCA.

Beliau lalu mengingatkan bahawa tohmahan - tohmahan yang dibuat terhadap UMNO itu jika tidak dibendung mungkin akan menjejaskan Barisan Nasional.

Perdana Menteri berkata, sebenarnya sepanjang krisis MCA itu, pemimpin kedua - dua pihak telah datang berjumpa dengannya sebagai Perdana Menteri dan juga Pengerusi Barisan Nasional.

“Saya enggan campurtangan dalam krisis ini, ke-

rana saya anggap krisis ini sebagai krisis keluarga. Tetapi apabila krisis ini berpanjangan, maka ia tidak lagi merupakan krisis keluarga, sebaliknya merupakan krisis yang mengancam kestabilan Barisan Nasional, kestabilan kerajaan dan kestabilan negara," ujar beliau.

Perdana Menteri berkata, dalam keadaan seperti ini, semua pihak dalam Barisan Nasional mempunyai hak untuk menentukan supaya krisis ini tamat dengan cara yang tidak menjejaskan kedudukan Barisan Nasional.

"UMNO juga menyuarakan pendapat, bahkan bukan sahaja UMNO, tetapi parti - parti lain juga berhak memberi teguran sama ada secara terbuka ataupun tidak.

"Tohmahan yang dibuat terhadap UMNO ini jika tidak dibendung, mungkin akan menjejaskan Barisan Nasional.

"Memang ada pihak - pihak dalam MCA yang suka supaya krisis ini membawa akibat yang buruk kepada Barisan Nasional kerana kemungkinan ada ahli - ahli MCA yang tidak begitu bersetuju dengan konsep Barisan Nasional," ujar beliau.

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir, soal ahli palsu alasan sahaja kerana krisis

LIHAT MUKA 6

Krisis MCA kerana rebut kuasa - Dr. M

UM 16 SEP 1988

MCA ini bermula dari rebutan untuk menjadi pemangku presiden.

Datuk Sri Dr. Mahathir menjelaskan, mengikut amalan biasa, apabila seseorang presiden meletakkan jawatan, maka seorang pemangku presiden terpaksa dilantik.

"Walaupun saya tidak begitu yakin Datuk Dr. Neo akan dapat sokongan majoriti ahli-ahli MCA, tetapi Datuk Lee San Choon (bekas presiden) mendesak bertalu-talu supaya dipaskan jawatannya sebagai menteri," kata beliau.

"Jadi saya terpaksa terima Datuk Dr. Neo sebagai Pemangku Presiden MCA dan menteri MCA yang terkanan dalam jemaah menteri," tambahnya.

Kerana itu, pada hemat Merdeka, bahawa Perdana Menteri nampaknya tidak hairan apabila kedudukan Datuk Dr. Neo sebagai pemangku presiden dicabar oleh Encik Tan Koon Swan.

Dari situ Merdeka membuat kesimpulan bahawa soal phantom members ini cuma dijadikan isu untuk menggulingkan Datuk Dr.

Neo dan apabila Datuk Dr. Neo sedar mengenai tujuannya, beliau lalu bertindak memecat mereka yang mencabarnya.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata: "Masalah sekarang ialah MCA tidak mempunyai kepimpinan yang berkesan.

"Pengikut-pengikut MCA terbahagi kepada dua pasukan dan mana-mana satu ketua yang dipilih, akibatnya setengah saja dari ahli MCA yang menyokong, yang mengikutinya sedang yang lain akan terus menentang.

"Dengan itu, maka akan menjadi lemahlah MCA. Sebab itu jalan tengah perlu dicari supaya kedua-dua pihak sanggup menyokong kepimpinan yang tidak terdiri dari mana-mana pihak.

"Bagi Barisan Nasional, MCA yang lemah sudah tentu mengancam kekuatan Barisan Nasional sendiri kerana MCA merupakan parti kedua besarnya dalam Barisan Nasional.

"Bagi negara pula, krisis MCA ini sudah tentu menjejaskan bermacam-macam kegiatan termasuk ekonomi dan keselamatan negara. Dan kekuatan Barisan Na-

sional dalam pilihanraya lebih terancam kerana krisis ini."

Perdana Menteri menjelaskan, bukanlah beliau mencadang bagi penyelesaian krisis MCA, tetapi sebagai anggota Barisan Nasional, pihaknya tentu mahu supaya parti yang mewakili orang-orang Cina di Malaysia ini mendapat sokongan daripada semua atau hampir semua orang Cina.

"Kita tidak mahu cuma sebahagian sahaja daripada orang-orang Cina ini yang menyokong parti yang mewakili orang-orang Cina dalam Barisan Nasional.

"Jika cuma separuh sahaja yang menyokong, maka bermaknalah perwakilan orang-orang Cina dalam kerajaan akan dibuat oleh mereka yang tidak dapat sokongan daripada kebanyakan orang Cina.

"Kita hendak supaya orang-orang Cina menyertai kerajaan Barisan Nasional dengan cara yang berkesan, bukan cuma sebahagian daripada orang-orang Cina yang dikuasai oleh satu pihak.

"Encik Ghafar cuma terlibat kerana dia Setiausaha Agung Barisan Nasional

dan kerana sungguhpun Barisan Nasional tidak suka campurtangan dalam krisis komponen partinya, tetapi banyak desakan telah saya terima supaya saya memainkan peranan untuk menyelesaikan masalah ini sebagai Pengerusi Barisan Nasional.

"Saya telah jelaskan kenapa Datuk Dr. Neo Yee Pan telah ditamatkan khidmatnya sebagai anggota jemaah menteri. Keadaan sekarang ialah masing-masing cuba menggunakan UMNO sebagai 'scapegoat' untuk mendapatkan sokongan daripada cauvinis-cauvinis Cina.

"Mereka berkata UMNOlah yang bersalah, sedangkan krisis ini bermula dan berterusan kerana rebutan kuasa oleh dua pihak. Masing-masing berkata bahawa kerana UMNO campurtangan, ini bermakna bahawa UMNOlah yang cuba tentukan siapa yang menjadi pemimpin.

"Sebenarnya UMNO berhak, sebagai anggota komponen Barisan Nasional, sama seperti parti-parti lain yang juga mengambil bahagian dalam mesyuarat Barisan Nasional, untuk menentukan masa hadapan Barisan Nasional dan keahlian Parti MCA.

"Jadi tohmah terhadap UMNO adalah sebagai satu muslihat politik yang bahaya bagi semua pihak. Jika krisis MCA tidak dapat diselesaikan maka sudah tentu Barisan Nasional akan menghadapi masalah dan mungkin juga kestabilan politik Malaysia akan turut terjejas," jelas Datuk Sri Dr. Mahathir.